



**SIARAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEWANGAN DAN GABENUR-GABENUR BANK  
PUSAT ASEAN+3 KE-28 DAN  
MESYUARAT TAHUNAN LEMBAGA GABENUR-GABENUR ASIAN DEVELOPMENT  
BANK KE-58  
3 – 6 Mei 2025  
Milan, Itali**

---



Sumber Gambar: Asian Development Bank

1. Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II Negara Brunei Darussalam telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenur-Gabenur Bank Pusat ASEAN+3 (AFMGM+3) ke-28 dan Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenur-Gabenur Asian Development Bank (ADB) Ke-58 yang telah diadakan pada 3 hingga 6 Mei 2025 di Milan, Itali.



Sumber gambar: Asian Development Bank

### **Mesyuarat AFMGM+3 ke 28 , 4 Mei 2025**

2. Mesyuarat AFMGM+3 ke-28, telah dipengerusikan bersama oleh Tuan Yang Terutama Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II Malaysia dan Tuan Yang Terutama Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour, Gabenor Bank Negara Malaysia serta Tuan Yang Terutama Lan Fo'an, Menteri Kewangan Republik Rakyat China (PRC), dan Tuan Yang Terutama Pan Gongsheng, Gabenor Bank Rakyat China. Turut hadir pada Mesyuarat tersebut adalah Yang Mulia Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pengarah Urusan *Brunei Darussalam Central Bank* (BDCB).
  
3. Mesyuarat telah membincangkan perkembangan ekonomi dan mendengarkan pembentangan yang disampaikan oleh beberapa Institusi Kewangan Antarabangsa, iaitu *Asian Development Bank* (ADB), *International Monetary Fund* (IMF) and *ASEAN+3 Macroeconomic Research Office* (AMRO). Selain daripada tinjauan ekonomi serantau, para Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN turut membincangkan tindak balas dasar terhadap risiko dan cabaran global serta langkah-langkah untuk terus memperkuatkan kerjasama kewangan serantau secara strategik melalui *Strategic Directions of the ASEAN+3 Finance Process*, dan melalui inisiatif-inisiatif seperti *Chiang Mai Initiative*

*Multilateralization (CMIM), Asian Bond Markets Initiative (ABMI) dan ASEAN+3 Future Initiatives.*

4. Semasa sesi pertukaran pandangan, Yang Berhormat Dato Dr. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengongsikan pandangan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan perpaduan, kerjasama dan komitmen bersama terhadap pertumbuhan inklusif sebagai prinsip panduan dalam menghadapi cabaran-cabaran terkini serta meningkatkan daya tahan dan kestabilan menghadapi ekonomi global yang semakin tidak menentu. Yang Berhormat Dato Dr. turut menekankan kepentingan bagi negara-negara ahli ASEAN+3 untuk terus membina hubungan kukuh dengan Institusi-Institusi Kewangan Antarabangsa dan memanfaatkan kepakaran serta bantuan mereka.
5. Kenyataan Bersama Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenur Bank Pusat ASEAN+3 ke-28 adalah seperti yang dilampirkan dalam Lampiran A.
6. Mesyuarat AFMGM+3 diadakan setiap tahun dan menghimpunkan Menteri-Menteri Kewangan serta Gabenor-Gabenur Bank Pusat dari negara-negara ahli ASEAN+3 untuk membincangkan perkembangan kewangan dan ekonomi global serta serantau, dan usaha-usaha untuk mempertingkatkan kerjasama serta kolaborasi serantau.
7. Yang Mulia Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad, Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi and Yang Mulia Awang Mardini bin Haji Eddie, Timbalan Pengarah Urusan (Operasi Monetari, Perkembangan dan Antarabangsa) di *Brunei Darussalam Central Bank* juga turut hadir pada Mesyuarat tersebut.

**Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenur-Gabenur ADB Ke-58, 5 – 6 Mei 2025**



*Sumber gambar: Asian Development Bank*

8. Dengan bertemakan "*Sharing Experience, Building Tomorrow*", perbincangan utama pada Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenur-Gabenur ADB ke-58 memberi tumpuan kepada usaha-usaha ADB dan ahlinya, bersama dengan Bank Pembangunan Pelbagai Hala yang lain, untuk bekerjasama dalam menangani cabaran global melalui pendekatan seperti transformasi digital, peralihan tenaga yang tahan iklim dan sistem permakanan yang mampan.
9. Semasa *Business Session of the ADB Board of Governors* yang diadakan pada 5 Mei 2025, Yang Berhormat Dato Dr. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menekankan kepentingan kerjasama pelbagai hala dalam menangani cabaran global dan mengongsikan keutamaan Negara Brunei Darussalam dalam mengurangkan *carbon footprint* melalui pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui dan *energy mix diversification* serta membina sistem pertanian yang berdaya tahan bagi tujuan keselamatan makanan. Negara Brunei Darussalam juga mengalu-alukan peluang untuk bekerjasama dengan ADB dalam transformasi digital dan pembangunan tenaga kerja.
10. Yang Berhormat Dato Dr. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Tuan Yang Terutama Masato Kanda, Presiden ADB, telah berpeluang untuk mengadakan mesyuarat dua hala di pinggir

Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenur-Gabenur ADB ke-58, di mana perbincangan memberi tumpuan kepada prospek ekonomi Negara Brunei Darussalam dan usaha berterusan untuk mempelbagaikan ekonomi di tengah-tengah cabaran yang berterusan. Kedua pihak turut mengalui-alukan kerjasama yang lebih erat di antara Negara Brunei Darussalam dan ADB melalui pertukaran pengetahuan, amalan terbaik dan kepakaran serta penglibatan yang kukuh melalui platform serantau seperti ASEAN dan BIMP-EAGA.

11. Sebelum Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenur-Gabenur ADB ke-58 diadakan, Yang Mulia Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad, Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, telah mempengerusikan *Constituency Senior Officials' Meeting* (terdiri daripada enam buah negara iaitu Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Nepal, Singapore, Thailand dan Turkiye) yang telah membincangkan status operasi ADB dan operasi Konstituensi termasuk status pembiayaan, projek bantuan teknikal dan inisiatif-inisiatif lain, bagi memastikan ianya adalah selaras dengan objektif ADB.
12. ADB ialah sebuah Bank Pembangunan Pelbagai Hala yang terkemuka, menyokong pertumbuhan mampan, inklusif dan berdaya tahan di seluruh Asia Pasifik. Ianya memanfaatkan alat kewangan yang inovatif dan perkongsian strategik bagi menambahbaik kehidupan dan membina infrastruktur berkualiti. Ditubuhkan pada tahun 1966, ADB mempunyai 69 anggota termasuk Negara Brunei Darussalam dan beribu pejabat di Manila, Filipina.
13. Mesyuarat Tahunan Lembaga Gabenur-Gabenur ADB ke-58 juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei Darussalam.

\*\*\*\*\*